

**PRUDENTIAL BSN**

---

TAKAFUL

Penuhi impian yang tersayang.



# PruBSN Impian

Anak adalah permata. Sebagai ibu bapa, anda akan melakukan apa sahaja untuk memastikan anak anda sihat dan ceria. Penuhi impian dan aspirasi anak anda serta pastikan mereka memiliki asas yang teguh untuk menempuhi kehidupan dengan **PruBSN Impian**, pakej perlindungan yang berdasarkan pada **PruBSN AsasLink**. Disertakan dengan rider pranatal, penyakit kritikal, perubatan, kemalangan dan Contributor, **PruBSN Impian** merupakan penyelesaian perlindungan takaful dan simpanan yang komprehensif demi memenuhi keperluan perlindungan dan masa depan anak anda. Oleh itu, anda akan senantiasa menjadi pelindung, penyokong dan menginspirasi anak anda untuk bercita-cita tinggi.

**PruBSN AsasLink** adalah satu plan takaful sumbangan berkala berkaitan pelaburan yang membayar Jumlah Perlindungan Asas apabila disahkan Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh (TPD) sebelum Tarikh Ulang Tahun Sijil apabila orang yang dilindungi berumur 70 tahun atau kematian orang yang dilindungi, yang mana lebih awal.



## Sokongan

Sokong impian anak anda apabila beliau mencapai usia 19 tahun dengan wang yang anda peruntukkan untuk pelaburan.



## Mula dari awal

Lindungi anak anda seawal 14 minggu kehamilan dan lindungi diri anda apabila berlaku komplikasi kehamilan.



## Komprehensif

Pelan perlindungan komprehensif dan berpatutan yang memberikan anda ketenangan fikiran untuk memenuhi keperluan anak anda.



## Kawalan

Fleksibiliti untuk menentukan perlindungan, umur tamat tempoh dan sumbangan.



## Bonus

Ganjaran untuk pencapaian cemerlang di dalam peperiksaan anak anda.

## PAKEJ KEBAHAGIAAN

Perlindungan terbaik untuk anak anda dari 14 minggu kehamilan sehingga berumur 25 tahun.



### INFANT SECURE

Perlindungan untuk anda dan bayi anda melalui manfaat Penjagaan Kehamilan dan manfaat Penjagaan Anak.\*

### VITAL CARE PLUS

Perlindungan untuk penyakit tertentu bagi kanak-kanak sehingga anak anda berumur 25 tahun.

+

### HEALTHPROTECTOR

Pembayaran balik perbelanjaan perubatan anak anda mengikut manfaat yang dipilih sekiranya dimasukkan ke hospital atau menerima rawatan pesakit luar disebabkan penyakit atau kecederaan.



### TAKAFUL SAVER IMPIAN


Hadiahkan anak anda dana untuk mencapai impiannya.

\*Tertakluk pada terma dan syarat.



# PERJALANAN PERLINDUNGAN

Rancanglah pelan terbaik untuk masa depan anak anda.





## TENTUKAN PERLINDUNGAN ANDA

<p><b>Rider Pranatal &amp; Bayi</b></p>	<p>Terdiri daripada Infant Secure dan Vital Care Plus. Infant Secure akan memberikan perlindungan manfaat Penjagaan Kehamilan dan manfaat Penjagaan Anak:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Manfaat Penjagaan Kehamilan: Perlindungan untuk diri sendiri daripada kemungkinan komplikasi kehamilan sebelum kelahiran.</li> <li>ii. Manfaat Penjagaan Anak: Perlindungan untuk anak anda dari dalam kandungan hingga dimasukkan ke hospital kerana keadaan kongenital tertentu.</li> </ul> <p>Vital Care Plus memberikan perlindungan terhadap penyakit kanak-kanak tertentu sebelum Tarikh Ulang Tahun Sijil apabila orang yang dilindungi berumur 25 tahun dan ia akan ditukar secara automatik kepada rider Crisis Protector agar perlindungan berterusan.</p>
<p><b>Rider Penyakit Kritikal</b></p>	<p>Tenangkan fikiran dan fokus kepada pemulihan anak anda apabila anda menerima pembayaran sekaligus setelah didiagnosis dengan mana-mana 43 Penyakit Kritikal yang dilindungi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Crisis Protector</li> <li>ii. Crisis Shield</li> </ul>
<p><b>Rider Perubatan</b></p>	<p>Hindari kebimbangan anda dengan HealthProtector, pelan perubatan yang komprehensif dengan TIADA had tahunan dan TIADA had seumur hidup untuk perbelanjaan kemasukan ke hospital dan rawatan pesakit luar anak anda. Rider ini menyediakan pelbagai peringkat Bilik &amp; Penginapan Hospital, Pilihan Bayaran Bersama dan Smart Value Point (SVP) untuk memenuhi keperluan anda. Pilih antara SmartSaver300 atau High Deductible:</p> <p><b>(a) SmartSaver300</b> Hanya bayar RM300 dahulu daripada jumlah Caj-caj Lazim dan Munasabah daripada suatu manfaat yang layak untuk sebarang hilang upaya dan jimatkan sumbangan anda untuk perlindungan yang lebih tinggi.</p> <p><b>(b) High Deductible</b> Menyediakan lanjutan kepada pelan perubatan sedia ada anda sebagai jaringan keselamatan daripada kos penjagaan kesihatan yang tidak dijangka.</p>
<p><b>Rider Kemalangan</b></p>	<p>Dapatkan perlindungan kemalangan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Accidental Protector Plus: Menyediakan manfaat sekaligus</li> <li>ii. Accidental Medical Protector: Menyediakan pembayaran balik kos perubatan</li> </ul>
<p><b>Rider Contributor</b></p>	<p>Rider Contributor akan membantu untuk membayar pelan anda sekiranya berlaku kematian (jika berkenaan), TPD atau Penyakit Kritikal kepada anda atau ahli keluarga anda yang dilindungi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Contributor Protect</li> <li>ii. Contributor Saver</li> <li>iii. Contributor Parent Protect</li> <li>iv. Contributor Parent Saver</li> <li>v. Contributor Joint Protect</li> <li>vi. Contributor Joint Saver</li> </ul> <p>Jika lebih daripada satu rider Contributor berlaku pada masa yang sama, Dana <i>Tabarru'</i> bukan sahaja akan membantu anda dengan bayaran sumbangan sijil, tetapi satu jumlah yang sama dengan Jumlah Perlindungan bagi rider Contributor terlibat akan diperuntukkan 100% ke dalam akaun sijil, yang memberikan lebih banyak dana untuk anak anda.</p>
<p><b>Rider Simpanan/Pelaburan</b></p>	<p>Pupuk amalan menyimpan dan melabur secara tetap dengan Takaful Saver/ Takaful Saver Impian yang akan meningkatkan nilai wang anda dengan potensi pulangan dan peningkatan nilai tunai untuk anak anda.</p>

## Bonus

Dengan EduAchieve Bonus, anak anda akan menerima ganjaran wang tunai untuk pencapaian cemerlang di dalam peperiksaan mereka. Kami akan memberi EduAchieve Bonus sebagai *Hibah* (hadiah) yang akan dibayar dari dana pemegang saham.

Peperiksaan	Ganjaran (RM)	Pencapaian minimum
UPSR	500	Semua A
PT3	1,000	
SPM	1,500	
STPM/STAM	1,500	
GCSE	1,500	
A Level	1,500	3A
IB	1,500	42 markah
Diploma/Degree	2,000	Kelas Pertama atau CGPA 3.5

Umur kemasukan maksimum adalah 18 tahun.

*Nota: Senarai peperiksaan tertakluk pada peperiksaan kebangsaan seperti yang disenaraikan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Untuk Diploma atau Ijazah, PruBSN hanya akan membayar untuk kursus yang ditawarkan oleh universiti awam di Malaysia, kursus yang diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia. PruBSN boleh mengubah ganjaran EduAchieve Bonus ini dengan memberi anda sembilan puluh (90) hari notis.*

## CIRI-CIRI PRODUK

### Manfaat Kematian

Sekiranya berlaku kematian orang yang dilindungi sebelum tamat tempoh perlindungan, manfaat berikut akan dibayar:

- Jumlah Perlindungan Asas; dan
- Nilai unit dalam Akaun Unit Perlindungan (PUA) dan Akaun Unit Pelaburan (IUA).

Sekiranya berlaku kematian bayi dalam kandungan dan sehingga 30 hari daripada kelahiran anak anda, manfaat berikut akan dibayar:

- Sumbangan Perlindungan Tahunan; dan
- Nilai unit dalam Akaun Unit Perlindungan (PUA) dan Akaun Unit Pelaburan (IUA).

### Manfaat Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh (TPD)

Jumlah perlindungan akan dibayar sekiranya berlaku TPD sebelum tarikh ulang tahun sijil apabila orang yang dilindungi berumur 70 tahun atau sebelum tamat tempoh perlindungan, yang mana terdahulu.

Sekiranya anak anda mengalami TPD pada bila-bila masa dalam tempoh 30 hari pertama daripada kelahiran, manfaat berikut akan dibayar:

- Sumbangan Perlindungan Tahunan; dan
- Nilai unit dalam Akaun Unit Perlindungan (PUA) dan Akaun Unit Pelaburan (IUA).

Kemudian sijil akan dibatalkan.

### Umur Kemasukan

14 minggu kehamilan sehingga 18 tahun.

### Tempoh Manfaat

Pilih untuk dilindungi sehingga umur tamat tempoh 60, 70, 80, 90 atau 100.

### Sumbangan

Sumbangan adalah bergantung kepada pilihan anda bagi Jumlah Perlindungan Asas, rider, umur tamat tempoh dan kekerapan sumbangan (bulanan, suku tahun, setengah tahun atau tahunan). Kadar sumbangan akan berbeza mengikut umur kemasukan, jantina, status merokok, kelas pekerjaan dan keadaan kesihatan.

*Nota: Produk ini didatangkan dengan pilihan untuk melanjutkan Tempoh Manfaat sehingga umur tamat tempoh 100. Semasa tempoh yang dilanjutkan, semua terma dan syarat sijil akan terpakai, dan Potongan Tabarru' dan caj-caj lain akan terus ditolak. Sumbangan tambahan mungkin diperlukan untuk memastikan nilai unit adalah mencukupi. Sijil ini akan luput sekiranya nilai unit tidak mencukupi untuk Potongan Tabarru' dan caj-caj lain.*

## PERUNTUKAN SUMBANGAN

Sumbangan anda (selepas ditolak caj-caj *Wakalah*) akan dilaburkan dalam dana berkaitan pelaburan yang diluluskan Syariah yang anda pilih. Sila rujuk kepada Ilustrasi Produk untuk maklumat peruntukan sumbangan anda.

Untuk maklumat lanjut mengenai Helaian Fakta Dana dan prestasi masa lalu dana, anda boleh merujuk laman web kami di [www.prubsn.com.my](http://www.prubsn.com.my).

## CAJ-CAJ DAN POTONGAN

### Caj *Wakalah* Pendahuluan

Caj ini membolehkan kami untuk membayar komisen dan perbelanjaan berkaitan pengagihan serta perbelanjaan pengurusan. Peratusan yang ditunjukkan di jadual adalah berdasarkan tempoh sumbangan 20 tahun dan ke atas. Bagi tempoh kurang daripada 20 tahun, sila rujuk Ilustrasi Produk.

Akaun/Tahun Sumbangan	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11 & Ke Atas
PUA	40%	40%	40%	20%	20%	20%	5%	5%	5%	5%	0%
IUA							5%				

### Caj *Wakalah* Perkhidmatan

Caj *Wakalah* Perkhidmatan dikenakan setiap bulan selagi sijil masih berkuatkuasa. Berikut adalah caj perkhidmatan *Wakalah* untuk semua cara pembayaran:

Cara Pembayaran Sumbangan	Semua Kekerapan Pembayaran
Tunai/Cek	RM8 sebulan
Lain-lain	RM7 sebulan

Terdapat caj tambahan sebanyak RM5 sebulan jika anda menambahkan HealthProtector.

### Caj *Wakalah* Pengurusan Aset

Caj ini dikenakan setiap hari daripada nilai akaun pelaburan anda. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada Helaian Fakta Dana.

### Potongan *Tabarru`*

Potongan *Tabarru`* ditolak setiap bulan daripada nilai unit anda untuk membayar perlindungan takaful anda. Potongan *Tabarru`* untuk perlindungan takaful berbeza mengikut umur, jantina, status merokok, kelas pekerjaan, pengkadaran perubatan dan jumlah perlindungan. Potongan *Tabarru`* akan meningkat apabila umur anda meningkat.

Potongan *Tabarru`* adalah sebahagian nilai tertentu daripada sumbangan ke dalam Dana *Tabarru`* bagi tujuan saling membantu di kalangan peserta mengikut manfaat-manfaat yang dipersetujui di bawah pelan tersebut.

### Caj *Wakalah* Penambahan Sumbangan Tunggal

Caj sebanyak 5% akan dikenakan untuk setiap Penambahan Sumbangan Tunggal. Di samping itu, caj tambahan sebanyak RM25 akan dikenakan untuk setiap penambahan.

### Caj *Wakalah* Penukaran Dana

Terdapat empat penukaran secara percuma setiap tahun. Untuk sebarang penukaran seterusnya dalam tahun tersebut, Caj *Wakalah* Penukaran Dana ditetapkan pada 1% daripada amaun yang ditukar (tertakluk kepada jumlah maksimum sebanyak RM50).

### Caj *Wakalah* Pengeluaran Separa

RM25 akan dikenakan bagi setiap permohonan.

#### Nota:

- Caj *Wakalah* Pengeluaran Separa, Caj *Wakalah* Penukaran Dana dan caj tambahan untuk Penambahan Sumbangan Tunggal kini dikecualikan sehingga transaksi elektronik tersedia. Selepas itu, permohonan secara manual melalui cawangan akan tertakluk kepada bayaran yang dinyatakan.

## NOTA-NOTA PENTING

1. Risalah ini tidak mengikat sebarang kontrak di antara anda dan **Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN)**. Untuk maklumat lanjut mengenai pelan ini dan rider pilihan, sila rujuk kepada Ilustrasi Produk, Lampiran Keterangan Produk, Helaian Fakta Dana, buku pendidikan pengguna mengenai Takaful Keluarga, Takaful Berkaitan Pelaburan, Pelan Takaful Pendidikan Anak, dan Pelan Takaful Perubatan dan Kesihatan sebelum menyertai pelan ini dan merujuk kepada terma dan syarat dalam dokumen sijil untuk maklumat lanjut mengenai ciri-ciri penting pelan.
2. Sila ambil perhatian bahawa pakej yang terkandung di sini terdiri daripada komponen yang boleh disertai secara berasingan dan anda tidak diwajibkan untuk memilih semua komponen pakej ini.
3. Anda seharusnya berpuas hati bahawa pelan ini mampu memenuhi keperluan anda dan sumbangan yang dibayar merupakan jumlah yang anda mampu bayar.
4. Pulangan daripada PUA dan IUA anda (jika berkenaan), jika ada, akan berdasarkan kepada prestasi sebenar dana-dana dan ia tidak dijamin.
5. Risiko pelaburan dana akan ditanggung sepenuhnya oleh anda dan manfaatnya mungkin kurang daripada jumlah sumbangan yang dibayar.
6. **PruBSN AsasLink** adalah berdasarkan persetujuan bantuan bersama (*Ta'awun*) di mana sebahagian daripada sumbangan anda ditolak dan dikumpulkan ke dalam Dana *Tabarru'* bersama dengan sumbangan peserta-peserta yang lain untuk memberikan manfaat kewangan bersama yang boleh dibayar kepada semua peserta takaful yang layak. Berdasarkan prinsip *Wakalah bi al-ujrah*, PruBSN akan menguruskan pelan takaful anda sebagai pulangan untuk caj-caj *Wakalah* yang tersenarai di atas.
7. Anda berhak menerima sebarang agihan lebihan termasuk keuntungan (jika ada) daripada Dana *Tabarru'*. Bersama para peserta yang lain, anda berhak menerima 50% daripada agihan lebihan dan PruBSN akan menerima baki 50% sebagai yuran prestasi untuk menguruskan Dana *Tabarru'*. Bahagian agihan lebihan anda akan dimasukkan semula ke dalam PUA anda. Amaun sebenar bagi agihan lebihan akan ditentukan setiap tahun dan tertakluk pada kelulusan oleh Jawatankuasa Syariah dan Lembaga Pengarah PruBSN.
8. Rider-rider Contributor akan membantu dalam pembayaran jumlah sumbangan apabila berlaku kematian (jika berkenaan), TPD atau penyakit kritikal ke atas diri anda atau ahli keluarga anda semasa tempoh bayaran sumbangan sijil dan jumlah manfaat adalah seperti yang dinyatakan dalam dokumen sijil takaful. Sekiranya sumbangan atau caj semakan menjejaskan jumlah sumbangan pada masa akan datang, anda dikehendaki membayar tambahan sumbangan penambahan bagi memastikan nilai PUA dan IUA mampan sepanjang tempoh sijil.
9. Terdapat tempoh rujukan percuma selama 15 hari selepas penghantaran sijil anda untuk membolehkan anda mengkaji sama ada ia memenuhi keperluan anda. Sekiranya sijil ini dibatalkan dalam tempoh ini, kami akan memulangkan kepada anda nilai unit (pada tarikh penilaian berikutnya) serta sumbangan yang tidak dilaburkan, Potongan *Tabarru'*, caj perkhidmatan, caj pemprosesan (jika ada), cukai perkhidmatan (jika ada) yang telah kami tolak, ditolak perbelanjaan perubatan yang mungkin telah kami bayar atau bersetuju untuk bayar.
10. Jika anda membatalkan sijil pada tahun-tahun awal, anda mungkin tidak memperoleh nilai sepenuhnya daripada amaun yang telah anda bayar kepada kami. Apabila anda menyerahkan sijil, semua manfaat dalam sijil akan ditamatkan.
11. Jika anda berhenti membayar atau tidak membayar sumbangan, perlindungan anda mungkin ditamatkan sebelum waktunya. Sijil anda akan tamat sekiranya amaun dalam PUA dan/atau IUA tidak mencukupi untuk membayar Potongan *Tabarru'* dan caj-caj lain.
12. **PruBSN AsasLink** tidak menyediakan manfaat daripada Dana *Tabarru'* pada sijil luput, penamatan, tamat tempoh atau kematangan sijil.
13. Sumbangan dan kadar Potongan *Tabarru'* dan caj-caj lain adalah tidak dijamin. PruBSN boleh menyemak semula sumbangan, kadar Potongan *Tabarru'* dan/atau caj lain dengan memberi notis bertulis 90 hari (30 hari untuk manfaat perubatan dan penyakit kritikal) kepada pemilik sijil. Sekiranya terdapat kenaikan kadar Potongan *Tabarru'*, anda mungkin perlu membayar sumbangan tambahan atau penambahan. Sumbangan untuk pelan ini perlu dibayar sepanjang tempoh sijil ini.



14. Untuk maklumat lanjut mengenai dana, sila rujuk Helaian Fakta Dana masing-masing yang terdapat di laman web kami di **www.prubsn.com.my**. Anda juga boleh memantau prestasi dana anda dengan memeriksa harga unit yang disiarkan setiap hari di laman web kami.
15. Jika anda menukar pelan perubatan semasa anda dengan yang lain atau dari satu pembekal yang lain, anda mungkin tertakluk kepada keperluan pengunderaitan baru dan tempoh menunggu untuk pelan baru.
16. Sebarang rujukan kepada umur adalah berdasarkan Umur pada Hari Jadi Akan Datang.
17. Untuk **PruBSN AsasLink**, anda boleh menuntut pelepasan cukai insurans yang berkaitan, tertakluk pada terma dan syarat Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).
- 18. Sila ambil perhatian bahawa PruBSN Impian dan PruBSN AsasLink adalah produk takaful yang tertakluk pada prestasi aset-aset asas, dan ia bukan suatu produk pelaburan tulen seperti unit amanah.**

**Nota:** Maklumat lanjut untuk perlindungan dan manfaat-manfaat rider pilihan boleh didapati dalam Lampiran Keterangan Produk dan Ilustrasi Produk yang harus dibaca dengan teliti sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai pelan ini.

## PENGECUALIAN

**PruBSN AsasLink** tidak melindungi sebarang situasi berikut:

1. Kematian akibat membunuh diri dalam tahun pertama daripada tarikh permulaan sijil atau tarikh penguatkuasaan semula sijil.
2. TPD yang berlaku secara langsung ataupun tidak langsung disebabkan oleh:
  - i. Percubaan membunuh diri atau kecederaan yang dilakukan sendiri ke atas diri sendiri semasa waras atau tidak waras.
  - ii. Melakukan atau percubaan untuk melakukan kesalahan jenayah oleh orang yang dilindungi.
  - iii. Penyalahgunaan dadah atau stimulator, atau komplikasinya.
  - iv. Peperangan atau tindakan agresif, termasuk penaklukan, tindakan keganasan negara asing, musuh luar (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, rusuhan, campur tangan ketenteraan atau rampasan kuasa.
  - v. Penglibatan dalam aktiviti sukan profesional, penyelaman skuba, sebarang jenis perlumbaan, penerbangan udara selain daripada sebagai anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang, di atas kapal terbang komersial berlesen yang membawa penumpang dan beroperasi secara berjadual mengikut laluan biasa, atau sebarang aktiviti atau sukan merbahaya (termasuk penerjunan lelabah, geluncur angin, menaiki belon panas, penerjunan payung terjun dan penerjunan udara), melainkan kami memberi persetujuan melalui endorsan khas.
  - vi. Sebarang keadaan sedia ada yang tidak didedahkan kepada kami berhubung dengan status kesihatan bagi Orang yang Dilindungi. Ini adalah diguna pakai dalam masa 12 bulan dari tarikh sijil menjadi berkuatkuasa. Sebarang keadaan sedia ada yang tidak didedahkan kepada kami selepas 12 bulan akan diambil tindakan sewajarnya mengikut Jadual 9 bagi Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.
  - vii. Sebarang keadaan kongenital, trauma kelahiran dan komplikasi dari sisanya, bagi sijil atau lampiran yang diluluskan semasa orang yang dilindungi masih berada dalam kandungan.

*Pengecualian dan had-had adalah tidak terhad kepada yang tertera di atas dan anda hendaklah merujuk kepada dokumen sijil untuk mendapatkan maklumat lanjut.*



# **BERSAMA KITA MENCAPAI IMPIAN ANAK ANDA**

---



## APAKAH ITU TAKAFUL?

Suatu perkiraan yang berasaskan pertolongan secara bersama yang di bawahnya peserta takaful bersetuju untuk menyumbang kepada suatu kumpulan wang yang sama yang menyediakan manfaat kewangan bersama yang dibayar kepada peserta takaful itu atau kepada benefisiarinya pada masa berlaku sesuatu kejadian yang telah dipersetujui terdahulu.

*Seksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam*

Takaful diambil daripada istilah Arab '*kafala*' yang membawa erti "**Jaminan bersama**" atau **menjamin antara satu sama lain**.

Secara literal, Takaful bermaksud tanggungjawab, jaminan, dan perjanjian bersama. Secara umum, takaful diasaskan atas persetujuan kerjasama (*Ta`awun*) berdasarkan prinsip persamaan dan perpaduan, merangkumi elemen-elemen pampasan bersama dan kepentingan bersama.

Terdapat tiga (3) aspek persamaan yang terangkum dalam takaful, iaitu pertolongan bersama, tanggungjawab bersama, dan perlindungan bersama.

Apabila seseorang terlibat dalam skim takaful, dia bukan sahaja mencari perlindungan untuk dirinya, malah bekerjasama dengan peserta-peserta lain untuk sama-sama menyumbang antara satu sama lain ketika memerlukan.



**PERTOLONGAN BERSAMA**



**PERLINDUNGAN BERSAMA  
DARIPADA KERUGIAN**



**TANGGUNGJAWAB BERSAMA**



Secara intipatinya, takaful adalah berasaskan prinsip "*Ta`awun*" (kerjasama/pertolongan bersama) di mana penglibatan penyertaannya adalah ***Tabarru`at*** (kebajikan).

# PRUDENTIAL BSN

## TAKAFUL

PruBSN AsasLink adalah produk yang patuh Shariah.  
PruBSN Impian adalah pakej perlindungan yang berdasarkan pada PruBSN AsasLink.

Prudential BSN Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan di kawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk maklumat/pertanyaan lanjut, sila hubungi:

### PRUDENTIAL BSN TAKAFUL BERHAD

(No. Syarikat 200601020898)

Tingkat 13, Menara Prudential, Persiaran TRX Barat,  
55188 Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur.

☎ 03 2053 7188

✉ [customer@prubsn.com.my](mailto:customer@prubsn.com.my)



SMS PruBSN dan hantarkan kepada **33080**



[www.facebook.com/prubsn](http://www.facebook.com/prubsn)



[www.instagram.com/prubsn\\_official](http://www.instagram.com/prubsn_official)



[www.linkedin.com/company/prudential-bsn-takaful-berhad](http://www.linkedin.com/company/prudential-bsn-takaful-berhad)



Prudential BSN Takaful Berhad ialah ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Sebagai ahli PIDM, sebahagian daripada manfaat yang dilindungi di bawah sijil takaful yang ditawarkan oleh Prudential BSN Takaful Berhad dilindungi daripada kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat takaful oleh PIDM, sekiranya berlaku kegagalan Pengendali Takaful. Untuk maklumat lanjut mengenai had dan skop perlindungan ini, sila dapatkan risalah maklumat PIDM daripada Prudential BSN Takaful Berhad atau layari laman web PIDM ([www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)) atau hubungi talian bebas tol PIDM (1-800-88-1266).

**Penting:** Anda seharusnya berpuas hati bahawa produk ini mampu memenuhi keperluan anda dan sumbangan yang dibayar di bawah sijil ini merupakan jumlah yang anda mampu bayar.

*Semua maklumat adalah betul semasa penerbitan. Diterbitkan Okt 2020.*